


SIARAN MEDIA

Harga Runcit Produk Petroleum Bagi Tempoh 15 Februari 2020 Sehingga 21 Februari 2020

HARGA MINYAK | 14 FEBRUARI 2020



Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM), harga runcit produk petroleum bagi tempoh 15 Februari 2020 sehingga 21 Februari 2020 adalah ditetapkan seperti berikut:

1. Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 2 sen seliter iaitu daripada RM2.34 seliter kepada RM2.36 seliter;
2. Harga runcit petrol RON95 naik sebanyak 2 sen seliter iaitu daripada RM2.04 seliter kepada RM2.06 seliter;
- dan
3. Harga runcit diesel naik sebanyak 6 sen seliter iaitu daripada RM2.08 seliter kepada RM2.14 seliter.

Berdasarkan pengiraan di bawah formula APM, harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepatutnya adalah sebanyak RM2.06 seliter dan RM2.14 seliter masing-masing. Ini menunjukkan kenaikan dari minggu lepas bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada paras RM2.04 seliter dan diesel yang berada pada paras RM2.08 seliter, tetapi masih di bawah had harga yang ditetapkan iaitu RM2.08 seliter untuk RON95 dan RM2.18 seliter untuk diesel.

Justeru, harga runcit bagi kedua-dua produk dinaikkan pada paras RM2.06 seliter dan RM2.14 seliter selaras dengan keputusan Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat. Namun apabila harga pasaran dunia naik dan demi melindungi pengguna daripada mengalami

impak kenaikan harga, harga runcit produk petroleum akan dikekalkan pada paras tidak melebihi RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter bagi petrol RON95 dan diesel melalui pemberian subsidi.

Sayangi Malaysiaku! my

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

14 Februari 2020

[Harga Minyak](#)

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

[TENGKU ZAFRUL](#)

[BANTUAN PRIHATIN NASIONAL](#)

[KWSP](#)

[I-SINAR](#)

[SINAR HARIAN](#)

[JELAJAH BELANJAWAN 2021](#)

[PRIHATIN MOF](#)

[BERITA HARIAN](#)

[THE STAR](#)